


A.NAIM KASSAN

Hati Terpaut di Kinabalu



Hati Terpaut di Kinabalu

HADIAH IKHLAS
Dewan Bahasa Dan Pustaka
Cawangan Sabah.

Hati Ierpaut di Kinabalu



SAB00002795

PUSAT DOKUMENTASI MELAYU
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

PERPUSTAKAAN

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Hati Ierpaut di Kinabalu

A.NAIM KASSAN

HADIAH IKHLAS
Dewan Bahasa Dan Pustaka
Cawangan Sabah.

PERPUSTAKAAN DBP	
Cawangan, Sabah.	
No. Kelas:	899.233 AB4
No P	004858
T.	9.7.87

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pelajaran Malaysia
Kuala Lumpur
1987

KK. 893 – 3423 6101

Cetakan Pertama 1987

© Hakcipta Abu Naim Kassan 1987

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang, mana-mana bahagian artikel/ilustrasi/isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk pun dan dengan cara apa jua pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diaturhuruf oleh Dewan Bahasa dan Pustaka
Rupataip teks: T/Roman Mono (Kod 327-6801)
Saiz taip teks: 11/13 poin

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang/Hulu Kelang, Selangor
\$5.00

Untuk anak-anakku;
melangkahlah terus ke hadapan tanpa
terlupa menoleh ke belakang.
Ibu, ayah dan isteriku;
sekalung budi di atas ketabahanmu
dan kekuatan untukku terus hidup.

1. MEMBUAT PERSEDIAAN

ASMAH, Maria, Miming, Suria, John, Fatimah, Ismail dan beberapa orang lagi sedang giat menjalani latihan fizikal. Latihan mereka dengan berjoging setiap petang untuk mendapatkan stamina yang paling maksimum. Mereka tahu, stamina dan otot yang kuat amat penting semasa mendaki gunung. Apatah lagi Gunung Kinabalu yang tinggi dan tingginya 4,101 meter itu.

Gunung Kinabalu lambang kemegahan rakyat Sabah dan juga Malaysia seluruhnya. Itulah gunung yang tertinggi di Asia Tenggara. Keindahannya amat menakjubkan serta menyimpan banyak dongeng dan misteri.

Kemegahan danindahannya itulah yang telah mendorong Cikgu Hadi berusaha memimpin beberapa orang ahli Persatuan Bulan Sabit Merah sekolahnya untuk mendaki gunung tersebut. Dia bercita-cita hendak mengibarkan bendera sekolah di puncaknya.

“As, kita lari cepat sikit,” ujar Fatimah kepada Asmah. Mereka terus berlari-lari anak menuju ke bukit berhampiran dengan Pekan Beluran. Itulah bukit yang tertinggi di daerahnya. Bukit itu sering menjadi tumpuan

orang ramai membuat latihan fizikal kerana dari puncaknya kita dapat melihat pemandangan yang cukup indah. Di sebelah kiri bukit itu terbentang luas wajah Sungai Labuk yang membiru dan mengalir perlahan. Manakala di sebelah kanannya pula terhampar kawasan perumahan dan pejabat serta sebuah sekolah yang baru dibina.

“Berapa harga seluar *track* engkau ’ni?” tanya Asmah sambil berlari sambil memandangi seluar Fatimah.

“Murah saja, lima belas ringgit. Abangku yang belikan,” jawab Fatimah sambil lewa. Dia tidak berapa gemar berbual-bual sambil berlari. Dia khuatir kalau banyak sangat bercakap nanti perutnya masuk angin. Lagi-pun tenaga akan cepat habis kalau terlalu banyak berbual.

“Kau tau, aku punya ini berapa harganya?”

Fatimah tidak menyahut. Sebaliknya dia ketawa geli hati. Barangkali dia tersalah tafsiran tentang pertanyaan itu.

“Kenapa kau ketawa? Aku serius ’ni. Kau ini kepala kotorlah, Tim. Maksudku, berapa harga seluar yang aku pakai ini!” jelas Asmah bersungguh-sungguh.

“Manalah aku tahu. Engkau yang beli,” balas Fatimah.

“Kata bapaku, inilah seluar yang paling mahal di Sandakan! Mungkin juga paling mahal di Malaysia!”

“Mana kau tahu?”

“Kan harga barang-barang di Sandakan dan di Sabah ini merupakan harga yang tertinggi di negara kita!”

Masing-masing membisu tetapi terus berlari perlahan-lahan. Sendi-sendi seluruh badannya digoyang-goyangkan. Jari-jari mereka meramas-ramas udara. Peluh

yang mengalir pun sudah mula membasahi bahagian belakang baju mereka. Muka mereka juga semakin berkilat dan kemerah-merahan dibasahi peluh. Sekali-sekala mereka mengelap peluh di muka dengan lengan tangan.

“Tim, kita lari cepat sikit. Barangkali mereka sudah lama menunggu kita,” ajak Asmah. Tenaga mereka masih kuat untuk menambahkan kelajuan berlari.

Di puncak Bukit Beluran, Cikgu Hadi dan Cikgu Razak bersama-sama beberapa orang pelajar lagi sedang giat bersenaman. Ada yang melompat-lompat, ada yang macam berdisko, ada yang membuat tekan tubi, ada yang terlentang dan kaki seperti mengayuh basikal, ada yang membongkok-bongkok, ada yang memutar-mutar pinggang dan bermacam-macam lagi.

Cikgu Hadi yang memakai lilit biru di kepala berdiri sambil bercekak pinggang. Dia memerhatikan Asmah dan Fatimah yang baru sahaja sampai tetapi tidak menegur mereka. Kemudian Cikgu Hadi mengayun-ayun kaki kirinya menerajang udara. Beberapa orang pelajar yang memerhatikan gaya Cikgu Hadi turut meniru gaya itu. Setelah penat kaki kiri diayun, kaki kanan pula yang diayun.

Asmah dan Fatimah telah meresap dalam kumpulan itu. Mereka melakukan beberapa gerak badan tanpa diarahkan oleh sesiapa. Mereka membongkok-bongkok beberapa kali seraya jari-jari tangan mencecah ibu jari kaki mereka.

Cikgu Hadi berdiri tegak bagaikan hendak mengeluarkan perintah kepada ahli kumpulannya. Tetapi sejujur kemudian dia melangkah menuju bawah pokok yang ada di situ. Dia melabuhkan punggungnya di atas akar



pokok itu. Dia merasa amat senang dan selesa apabila bayu petang yang dingin datang mengusap peluh di mukanya.

Memandangkan Cikgu Hadi sudah berehat, seorang demi seorang pelajar ikut juga berehat. Ada di antara mereka yang duduk berlunjur di atas rumput dan ada juga yang bertenggek di atas ketul-ketul batu besar.

“Asmah, kenapa kau lambat tadi?” tanya John yang berdiri bercekak pinggang berdepan dengan Asmah.

“Kalau ya pun, janganlah cekak pinggang macam mahu bergaduh!” sampuk Maria yang duduk di atas seketul batu besar.

“Kamu semua mahu tahu kenapa Asmah lambat? Sebab ... dia pakai seluar baru hari ini!” jawab Fatimah agak lantang.

“Padanlah nampak berat saja!” tambah Gopal. “Sengsaralah bas kita nanti kalau begini. Terpaksalah kita semua menolaknya!”

“Tak mengapalah, Asmah punya fasal kita semua sanggup berkorban. Yang penting dia mahu pergi!” Cikgu Hadi turut bergurau.

Asmah tersenyum bangga.

“Kamu semua mesti ingat, mendaki gunung bukannya macam kita berlari panjat bukit ini. Silap-silap gaya, kita terpaksa merangkak macam labah-labah! Siapa yang tak cukup stamina, terduduklah di situ sampai pagi. Kadang-kadang ada juga yang ’tak tahan sejuk. Belum sampai di atas, kaki ’dah *cramp*. Yang penting kekuatan kaki,” jelas Cikgu Razak mengisi ruang sepi.

“Macam inikah, cikgu, merangkaknya nanti?” tanya John sambil bergaya merangkak seperti labah-labah.